

**Datuk Sri.
Dr. Hasmah
terima
kurnia
Sultan
Kedah**

ISTERI Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali adalah di antara 416 orang penerima darjah bintang-bintang kebesaran dan pingat sempena perayaan Jubli perak pemerintahan Sultan Kedah di Istana Anak Bukit, Alur Setar, Sabtu lalu.

Datuk Sri Dr. Siti Hasmah dikurnia darjah Seri Setia Diraja Kedah (S.S.D.K.) yang membawa gelaran Datuk Sri. Turut menerima darjah ini ialah Tengku Bendahara Johor, Tengku Abdul Rahman, Tengku Datuk Ahmad bin Tengku Yahya.

Turut hadir dalam istiadat pengurniaan darjah-darjah kebesaran itu ialah Tuanku Puan Besar Kur-siah, Raja Muda dan Raja Puan Muda Kedah. Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Besar Datuk Sri Syed Nahar Shahabuddin dan isteri.



SULTAN Kedah mengurniakan darjah Seri Setia Diraja Kedah kepada Datuk Sri Dr. Siti Hasmah.



PANGLIMA Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohamad Ghazali Datuk Mohamad Seth menerima Darjah Datuk Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Muadzam Shah.